

## **MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI**

HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR, 12 November 1993

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kerana menjemput saya ke majlis pada hari ini dan seterusnya menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Industri Tahun 1993 ini.

2. Sepertimana kita sedia maklum, dalam tahun-tahun kebelakangan ini berbagai-bagai angka tunjuk antarabangsa telah menunjukkan kemampuan Malaysia mencapai kejayaan-kejayaan dalam bidang ekonomi yang membanggakan. Pertumbuhan ekonomi pada kadar purata lapan peratus setahun yang dicapai dalam tahun-tahun awal sembilan puluhan adalah antara yang tertinggi di dunia. Dalam bidang perdagangan, Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan atau GATT telah melaporkan bahawa pada tahun lepas, di antara lebih daripada seratus negara anggota Perjanjian tersebut, Malaysia adalah negara yang ke-23 terbesar daripada segi prestasi eksport.

3. Kejayaan-kejayaan ini adalah hasil daripada penggabungan tenaga di antara pihak Kerajaan dan anggota pentadbirannya dengan sektor swasta serta sokongan tenaga kerja yang berusaha gigih, disiplin dan berdedikasi tinggi.

4. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh terlalu berbangga dengan angka-angka tunjuk sehingga melalaikan kita. Jika kita tidak berwaspada, prestasi kita akan merosot sebelum potensi kita dapat diperah sepenuhnya.

5. Sebarang kejayaan yang kita capai itu adalah relatif -- yakni ianya bergantung kepada alat pengukur yang digunakan. Jika bandingan dibuat dengan kebanyakan negara-negara membangun yang lain, pencapaian kita daripada segi pembangunan ekonomi dan industri amatlah memberangsangkan. Tetapi wawasan kita bukanlah setakat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang paling maju di kalangan negara-negara membangun. Matlamat kita adalah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dengan ciri-cirinya yang tersendiri, negara maju yang mampu bersaing dengan negara-negara maju yang lain.

6. Oleh yang demikian, asas perbandingan kejayaan kita perlulah diambil daripada negara-negara yang telah mencapai prestasi yang terbaik di dalam aspek-aspek tertentu. Tiada negara yang boleh menjadi contoh yang menyeluruh untuk kita. Kita perlu meneliti seberapa banyak contoh yang boleh dan mengenalpasti kekuatan tertentu negara-negara berkenaan untuk dijadikan sebagai ukuran, contoh atau panduan. Hanya dengan berbuat demikian barulah kita akan dapat mengukur keupayaan dan kekuatan sebenar yang kita miliki. Dengan cara ini barulah

kita dapat menuju ke arah kecemerlangan dalam semua bidang yang diperlukan.

7. Kecemerlangan atau 'excellence' adalah satu nilai intrinsik yang perlu wujud di dalam semua sektor termasuk sektor swasta. Seperti yang telah ditekankan di dalam berbagai-bagai rancangan ekonomi, sektor swasta dikehendaki menerajui usaha-usaha untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara. Kecemerlangan sektor swasta terutamanya diperlukan di arena antarabangsa, kerana eksport adalah penyumbang utama kepada pendapatan negara.

8. Dunia perniagaan sekarang ini penuh unsur-unsur persaingan sengit serta cabaran-cabaran lain yang mana ini menyebabkan hanya mereka yang cemerlang dan dinamis sahaja yang akan berjaya dan dapat bertahan lama. Pergolakan-pergolakan yang berlaku di dalam perdagangan antarabangsa telah menukar corak persaingan serta mengubah kefahaman terhadap istilah 'daya saingan' itu sendiri.

9. Pengasingan di antara perniagaan dalam negeri dengan perniagaan luar negeri tidak lagi merupakan satu perkara yang jelas. Seiringan dengan itu, sumber-sumber persaingan atau 'competitive advantage' adalah lebih luas sehingga menjadikan persaingan lebih sengit dan kompleks. Asas-asas daya saingan juga telah berubah. Kita tidak lagi boleh bergantung kepada asas daya saingan yang tradisional, seperti bekalan bahan asli tempatan dan kos buruh yang rendah. Perkembangan teknologi pembuatan dan teknologi pengangkutan serta komunikasi telah menyebabkan pemilihan bahan asli sendiri bukan lagi satu faktor yang kritikal di dalam pembentukan corak perdagangan antarabangsa. Kadar upah di Malaysia juga tidak lagi dapat dianggap rendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau ini.

10. Asas-asas daya saingan yang baru adalah faktor-faktor yang perlu diperolehi, dibentuk dan dipupuk. Ini termasuklah pengetahuan, pengalaman, kredibiliti, kecekapan pasaran dan keusahawanan. Asas-asas kekuatan daya saingan ini adalah hak milik sesiapa sahaja yang sanggup melabur daripada segi masa dan tenaga untuk memperolehinya. Oleh yang demikian tiada alasan bagi kita menyatakan yang kita tidak berupaya untuk bersaing dengan mana-mana pihak.

11. Kecemerlangan diperlukan bukan sahaja untuk menangkis saingan tetapi juga untuk mengatasi cabaran-cabaran dan ancaman-ancaman lain yang terdapat di dalam prasarana ekonomi antarabangsa. Kita lihat bagaimana negara-negara maju di dunia mengenyahkan prinsip-prinsip dan peraturan-peraturan pelbagai hala perdagangan antarabangsa semata-mata untuk menjaga kepentingan mereka. Keadaan ini menjadi lebih ketara baru-baru

ini apabila negara-negara berkenaan berhadapan dengan tekanan dalaman daripada berbagai-bagai pihak yang berkepentingan, berpunca daripada kemelesetan ekonomi masing-masing, defisit perdagangan dan pembayaran serta kadar pengangguran yang amat tinggi.

12. Pertumbuhan blok-blok perdagangan juga merupakan ciri penting suasana perdagangan antarabangsa semasa. Kita harus peka kepada implikasi peraturan perdagangan seperti ini. Kita bukan sahaja harus bersedia menghadapi ancaman-ancaman yang timbul daripada penubuhan blok-blok perdagangan ini, tetapi lebih penting lagi, kita harus mampu untuk mengenalpasti dan mengambil tindakan yang segera ke atas peluang-peluang yang mungkin wujud kerananya.

13. Satu lagi fenomena baru yang mengancam pertumbuhan perdagangan antarabangsa adalah penggunaan alasan perlindungan alam sekitar, perlindungan hak-hak asasi manusia dan hak-hak pekerja untuk mengenakan sekatan ke atas perdagangan.

14. Perkembangan-perkembangan seperti ini sudah tentunya akan mengakibatkan penglibatan kita di dalam perdagangan antarabangsa menjadi lebih sukar. Keadaan ini akan menjadi lebih buruk jika usaha-usaha untuk menghalang berbagai-bagai tindakan perdagangan yang tidak adil yang sedang dirundingkan di dalam Pusingan Uruguay terus menghadapi kebuntuan.

15. Berbagai-bagai pendekatan boleh diambil untuk mengurangkan kesan negatif cabaran-cabaran ini. Kerajaan, melalui penglibatan secara aktif di dalam rundingan dan forum pelbagai hala dan serantau, sedang bekerjasama rapat dengan masyarakat perdagangan antarabangsa untuk mengenakan disiplin yang lebih ketat ke atas amalan perdagangan yang tidak adil supaya akan wujud suasana perdagangan antarabangsa yang lebih terbuka.

16. Sektor swasta juga mempunyai peranan di dalam usaha untuk mengatasi cabaran-cabaran ini. Mereka hendaklah menentukan bahawa barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan adalah yang terbaik. Walaupun terdapat berbagai-bagai halangan di dalam perdagangan antarabangsa, kuasa pasaran akan menentukan bahawa sesiapa yang menawarkan 'the highest value for money' sahaja yang akan dapat menguasai pasaran. Sebenarnya barangan Jepun tidak akan dapat menembusi pasaran Barat jika tidak kerana kualiti dan harga yang menarik sehingga pengguna di Barat sendiri mendesak untuk membeli barangan Jepun.

17. Oleh yang demikian sektor swasta hendaklah sentiasa berusaha menuju ke arah kecemerlangan. Untuk tujuan ini mereka harus bersikap inovatif dan sentiasa mencari keluaran baru untuk dipasarkan dan pendekatan-pendekatan baru untuk melakukan sesuatu tugas. Inovasi perlu diberi pengertian yang

luas. Ia hendaklah meliputi melahirkan, menerima dan melaksanakan idea, proses, keluaran atau perkhidmatan yang baru. Satu kepakaran baru yang boleh dieksport ialah dalam bidang pembinaan iaitu pembinaan jalan, bangunan, perumahan, telekomunikasi dan pengurusan dan rekabentuk hotel. Banyak negara yang ingin membangun dengan cepat mengiktiraf Malaysia sebagai punca teknik dan perancangan untuk mencapai matlamat mereka secepat mungkin.

18. Kita perlu mengambil ingatan bahawa, sebarang 'competitive advantage' yang kita miliki hanyalah sementara sahaja, dan agak sukar dipertahankan bagi tempoh yang lama. Oleh yang demikian, usaha-usaha untuk memperbaiki dan meningkatkan daya saingan kita hendaklah dijalankan secara berterusan. Dalam erti kata lain, proses inovasi tiada kesudahannya.

19. Kerajaan sedar bahawa serentak dengan gesaan kepada sektor swasta supaya mereka sentiasa meningkatkan kecemerlangan prestasi mereka, jentera Kerajaan sendiri perlu bersikap kreatif dan dinamik di dalam memberi sokongan kepada usaha-usaha sektor swasta.

20. Selaras dengan prinsip ini, Kerajaan telah memperkenalkan berbagai-bagai langkah untuk membantu sektor swasta mempertingkatkan prestasi mereka. Tahun lepas, Kerajaan, dengan kerjasama beberapa syarikat tempatan telah menubuhkan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) yang berperanan untuk membekalkan modal teroka untuk memperdagangkan hasil selidik dan ciptaan-ciptaan institusi-institusi penyelidikan Malaysia dan untuk memberi bantuan modal kepada syarikat-syarikat yang berasaskan teknologi bagi meningkatkan daya saingan mereka.

21. Pada bulan Jun tahun ini, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah dilancarkan untuk membantu memperkukuhkan prestasi eksport Malaysia sama ada eksport barangan ataupun perkhidmatan. Peranan utama MATRADE adalah untuk menyediakan satu sistem maklumat perdagangan yang komprehensif bagi menyokong sistem maklumat pasaran.

22. Kabinet juga telah meluluskan penubuhan Majlis Rekabentuk Kebangsaan untuk menerajui dan menyelaras aktiviti rekabentuk negara bagi meningkatkan keupayaan bersaing produk-produk industri perkilangan di pasaran tempatan dan antarabangsa. Satu Pusat Rekabentuk akan diwujudkan di bawah Majlis tersebut untuk bertindak sebagai 'focal point' bagi semua aktiviti rekabentuk.

23. Melalui khidmat-khidmat sokongan seperti ini dan dengan menentukan bahawa ekonomi negara terus stabil dan berkembang, Kerajaan berharap untuk mengurangkan angkubah dan risiko yang

boleh menyekat inisiatif sektor swasta untuk menerokai peluang-peluang yang baru. Tetapi akhirnya kejayaan masih bergantung kepada daya usaha dan sikap sektor swasta itu sendiri.

24. Akhir sekali saya mengucapkan tahniah kepada syarikat-syarikat yang memenangi anugerah pada tahun ini bukan sahaja kerana kejayaan mereka memenangi anugerah tersebut tetapi juga kerana berjaya menunjukkan jalan ke arah kecemerlangan. Anugerah kecemerlangan ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk melahirkan satu budaya kecemerlangan di kalangan masyarakat peniaga Malaysia. Justeru itu, diharapkan pihak swasta dapat memenuhi aspirasi Kerajaan dan negara.

Sekian, terima kasih.